
ISI KANDUNGAN

1. PENGENALAN

Memberikan gambaran umum mengenai tajuk penyelidikan dan menyatakan secara ringkas akan kepentingannya.

2. LATAR BELAKANG

Menjelaskan punca sehingga berlakunya masalah yang akan dikaji.

3. PERNYATAAN MASALAH

Menjelaskan masalah sebenar yang akan dikaji dan keperluan untuk menyelesaikannya.

4. PERSOALAN

Menyatakan beberapa persoalan yang lebih spesifik untuk mengecilkan permasalahan umum yang dinyatakan dan dibina berdasarkan objektif yang dinyatakan

5. OBJEKTIF

Menyatakan tujuan utama kajian dibuat

6. KEPENTINGAN

Menjelaskan manfaat kajian kepada masyarakat awam, Agensi Kerajaan Negeri, dan rakyat Negeri Selangor khususnya.

7. SKOP PENYELIDIKAN

Penjelasan batasan atau limitasi dalam kajian seperti *sample*, tempoh, limitasi lokasi, kaedah kajian dan sebagainya.

8. METODOLOGI

Menjelaskan kaedah dan reka bentuk kajian.

9. SOROTAN LITERATUR

Menghuraikan ringkasan kajian sedia ada mengenai masalah penyelidikan yang akan dibuat serta menyatakan kekuatan dan kelemahannya bagi menjustifikasikan keperluan penyelidikan yang akan dibuat.

*Format Pelaporan Penyelidikan***10 ANALISA PENYELIDIKAN**

Menghuraikan kaedah analisa yang telah dilaksanakan dalam mendapatkan keputusan yang terbaik.

11 CADANGAN DAN RUMUSAN

Memberi cadangan yang jelas dan dapat membantu pihak Jabatan Mufti Negeri Selangor dalam menambahbaik dan melaksanakan tanggungjawabnya.

12 RUJUKAN

Menyatakan semua sumber penerbitan yang digunakan untuk menulis cadangan penyelidikan bagi meyakinkan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor bahawa rujukan sewajarnya telah dibuat oleh penyelidik.

FORMAT PENULISAN

1. FORMAT PENULISAN

1.1 Senarai Rujukan

- a) Mulakan senarai rujukan pada halaman baru.
- b) Susunkan item mengikut pengarang (jika tiada nama pengarang, mulakan dengan tajuk).
- c) Setiap senarai rujukan disusun mengikut turutan A-Z. Rujukan Bahasa Arab disusun mengikut urutan A-Z tanpa “al”.
- d) Setiap senarai rujukan perlu dipastikan direkod dalam teks laporan. Semua rujukan yang disebut dalam teks mestilah disenaraikan.
- e) Senarai rujukan tidak boleh mengandungi sumber-sumber yang tidak dirujuk.

Contoh Penulisan Rujukan ;

i. **Jurnal:**

Asmak Ab. Rahman, “Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia”. *Jurnal Syariah* 17/1 (2009): 1-20.

ii. **Buku:**

Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Dimashq: Dār al-Fikr, 1997.

iii. **Bab dalam Buku:**

Kelly, John D. “Seeing Red: Mao Fetishism, Pax Americana, and the Moral Economy of War.” Dlm *Anthropology and Global Counterinsurgency*, John D. Kelly, Beatrice Jauregui, Sean T. Mitchell, and Jeremy Walton (Ed), 67–83. Chicago: University of Chicago Press, 2010.

iv. **Laman Web:**

Google. “Privacy Policy,” Privacy & Terms. Diakses pada 17 April, 2017. <https://www.google.com/policies/privacy/>.

v. **Tesis dan Disertasi:**

Choi, Mihwa. “Contesting *Imaginaires* in Death Rituals during the Northern Song Dynasty.” Disertasi PhD, University of Chicago, 2008.

NOTA: Sila Rujuk the 16th Chicago Style (http://www.chicagomanualofstyle.org/tools_citationguide.html) untuk lain-lain format penulisan rujukan.

1.2 Penjilidan

Laporan Penyelidikan hendaklah ;

- i. Muka depan laporan penyelidikan hendaklah dijilid dengan *buckram* yang berwarna hitam.
- ii. Di muka hadapan hendaklah mengandungi tajuk yang lengkap (Bahagian tengah) dan Hak Milik Jabatan Mufti Negeri Selangor serta tahun penyerahan (Dibahagian bawah) manakala disediakan oleh (Nama Penyelidik) diletakkan di muka surat kedua. Kesemua maklumat tersebut hendaklah dicetak dengan huruf besar berwarna emas dengan saiz huruf yang sesuai serta menggunakan jenis tulisan *Times New Roman*
- iii. Pada *spine* (tulang belakang), hanya tajuk dan tahun yang perlu dinyatakan juga dengan perkataan berwarna emas dengan menggunakan jenis tulisan *Times New Roman* dengan saiz yang bersesuaian.

1.3 Jenis Kertas

Gunakan kertas putih saiz A4 (210 x 297 mm) yang bermutu baik (80gm/m²) sahaja dengan hanya sebelah halaman sahaja yang boleh dicetak.

1.4 Bahasa

Penulisan laporan penyelidikan hendaklah menggunakan hanya Bahasa Melayu sahaja.

1.5 Jarak, Jenis dan Saiz Tulisan

- i. Laporan Penyelidikan hendaklah ditaip dalam selang dua baris. Walau bagaimanapun dalam menyebut rujukan, jadual yang panjang dan petikan selang satu baris boleh digunakan.
- ii. Hanya satu jenis tulisan yang perlu digunakan iaitu *Times New Roman*. Saiz tulisan pada keseluruhannya adalah 12.
- iii. Birai (*margin*) yang ditetapkan bagi teks am adalah seperti berikut:

Sebelah atas	: 2.5 cm
Sebelah kanan	: 2.0 cm
Sebelah kiri	: 3.0 cm
Sebelah bawah	: 2.5 cm

(Dikira dari no. halaman)

1.6 Nombor Halaman

Semua nombor halaman dicetak tanpa tanda bacaan. Nombor dicetak 2.5 sm dari sebelah bawah di halaman tengah. Bahagian awal diberi nombor kecil Roman secara berturutan (i, ii, iii dan seterusnya) kecuali halaman Judul (nombornya tidak ditaip). Bahagian teks dan semua halaman rujukan serta lampiran diberi nombor berturut-turut (1, 2, 3 dan seterusnya), bermula dengan angka 1 pada halaman pertama teks itu.

1.7 Jadual dan Rajah

Semua jadual, rajah, bentuk dan angka yang digunakan dalam bahagian teks mestilah menggunakan fon jenis Times New Roman bersaiz saiz 10. Nama jadual dan sumber saiz 12. dibuat mengikut garis panduan APA terkini seperti berikut ;

Contoh Jadual :

Jadual 1: Pentadbiran Zakat Pertanian di Malaysia

Bil.	Negeri	Pengurusan Zakat Pertanian
1.	Selangor	Lembaga Zakat Selangor (LZS)
2.	Pulau Pinang	Zakat Pulau Pinang
3.	Sarawak	Tabung Baitulmal Sarawak (TBS)
4.	Terengganu	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)
5.	Perlis	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)

Sumber: Laman Sesawang Institusi Zakat Negeri

Contoh Rajah :



Rajah 1. Kerangka Konseptual TS25

SERAHAN LAPORAN

1. PENYERAHAN LAPORAN PENYELIDIKAN

Laporan penyelidikan hendaklah diserahkan seperti berikut:

- i. Penyerahan Laporan Penyelidikan mesti dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Bahagian Fatwa berdasarkan surat penamatan kajian.
- ii. **TIGA** naskah cetakan Bahagian Fatwa (dijilidkan berkulit tebal) dan **SATU** salinan lembut (*soft copy*) hendaklah diserahkan.

PENERBITAN

Sebarang penerbitan adalah dilarang sama sekali melainkan setelah mendapat kebenaran daripada pihak Jabatan Mufti Negeri Selangor.

PENUTUP

Semoga Garis Panduan ini dapat menjadi panduan kepada penyelidik dalam menyiapkan laporan akhir penyelidikan sebelum cetakan dibuat bagi memastikan semua laporan penyelidikan yang disediakan adalah mengikut piawaian yang ditetapkan.